

# Belia perlu jadi tenaga raksasa majukan negara – Abdullah

UM-30/5/2007

KUALA LUMPUR 29 Mei – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menggesa belia supaya menyiapkan diri masing-masing dengan ilmu bagi membolehkan mereka menjadi 'tenaga raksasa' yang dapat membangunkan negara untuk tempoh 50 tahun akan datang.

Perdana Menteri berkata, sebagai permulaan golongan yang rata-rata akan mencapai usia 30-an pada tahun 2020 dengan menjawat pelbagai jawatan dalam pentadbiran kerajaan dan swasta harus memastikan ketika itu Malaysia telah mencapai sasaran menjadi negara maju.

"Bukan sahaja tahun 2020, tetapi berusaha lebih lagi, terus berusaha dengan semangat yang kuat dengan segala kemampuan kita bagi mencapai banyak lagi kejayaan ketika negara mencapai usia 100 tahun," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan Rakan Muda Fasa II di Kompleks Rakan Muda, Bukit Kiara di sini, malam ini.

Turut hadir ialah Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Azalina Othman Said.

Rakan Muda yang dimulakan pada 1994 bertujuan membentuk generasi muda di antara umur 10-25 tahun dengan nilai murni, berfikiran positif dan menguasai pelbagai kemahiran.

Fasa II membabitkan penjenamaan semula program itu termasuk memperkenalkan logo baru, meningkat bilangan gaya Rakan Muda daripada sembilan kepada 12 jenis serta melakukan pemantapan terhadap pendekatan dan pengisian aktiviti.

Tiga gaya baru yang ditambah ialah Rakan Sukarelawan, Wawasan Desa dan Jiran Muda.

Menurut Abdullah, beliau yakin para belia mampu mencapai harapan besar itu kerana mereka kini mewarisi kejayaan pembangunan ekonomi, politik dan sosial berbanding generasi muda terdahulu yang terpaksa bersusah payah kerana perlu memulakan semuanya daripada sifar.



**ABDULLAH** Ahmad Badawi merasmikan penjenamaan semula Rakan Muda Fasa II di Kompleks Rakan Muda, Bukit Kiara, Kuala Lumpur, malam tadi.

"Anak muda kini mewarisi kejayaan yang telah dicapai yang berbeza dari dahulu dan mereka mempunyai banyak peluang untuk menuntut ilmu di peringkat universiti melalui program Rakan Muda dan juga menerusi penglibatan dalam pertubuhan-pertubuhan belia.

"Saya harap peluang ini digunakan untuk menambah nilai, yang elok diperelokkan, yang bermutu ditambah mutu dan

yang cemerlang dijadikan gemilang dan seterusnya terbilang," katanya.

Dalam pada itu, Abdullah juga mahukan kecemerlangan dicapai dalam bidang sukan untuk berjaya di peringkat antarabangsa dan bukannya sekadar menjadi jaguh kampung atau juara di peringkat daerah sahaja.

"Adalah sangat besar nikmat untuk menjadi generasi muda di Malaysia kerana

terdapat banyak peluang yang ditawarkan, bukan sahaja untuk berjaya di peringkat nasional malah juga di arena antarabangsa," ujarnya.

Kata Abdullah, beliau juga mahu pelajar yang menuntut di luar negara cemerlang dalam bidang akademik dan golongan belia yang terlibat dalam persidangan di peringkat dunia menonjolkan diri masing-masing.